

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional pegawai-pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dapat dilantik sebagai Penolong-Penolong Pendaftar SPR, manakala wakil-wakil parti politik pula diberhentikan perlantikan mereka sebagai Penolong-Penolong Pendaftar walaupun pegawai-pegawai JASA merupakan perlantikan politik di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak membenarkan Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) membuat pendaftaran pemilih baru sekiranya tempoh pelantikannya telah tamat. Hal ini adalah bertujuan untuk membolehkan SPR membuat penyelarasan dan penambahbaikan kepada pelaksanaan kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada.

Walau bagaimanapun, SPR masih mengekalkan Penolong Pendaftar Pemilih daripada agensi-agensi Kerajaan seperti KEMAS, RELA, JASA dan lain-lain Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Ini memandangkan mereka merupakan lantikan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH
ALAM]**

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 45

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pampasan yang telah dibayar kepada 2 syarikat pengendali AES dan bagaimana jumlah tersebut ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES (A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd) telah diambil alih sepenuhnya oleh syarikat Irat Properties Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Pengambilalihan ini adalah melibatkan transaksi komersial di antara pihak berkepentingan dan tidak melibatkan bayaran pampasan oleh Kerajaan kepada syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd.